

25 APR 1998

Kutub-Insentif

KEMENTERIAN SEDIA TIMBANG INSENTIF BAGI PENERJUN KUTUB UTARA

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan bersedia menimbang pemberian insentif kepada anggota ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara selepas berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau akan berbincang dengan Dr Mahathir, selaku penaung ekspedisi, mengenai perkara itu sebelum membuat sebarang pengumuman.

"Kita sedia timbang perkara itu...Memang kami menghargai sumbangan mereka mengharumkan nama negara," katanya kepada pemberita selepas mendengar talikmat Jawatankuasa Upacara Pembukaan dan Penutup Sukan Komanwel di pejabatnya di sini hari ini.

Muhyiddin berkata satu sambutan meriah akan diadakan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dekat sini bagi menyambut ketibaan ekspedisi tersebut esok manakala jamuan penghargaan pula diadakan Isnin ini.

Katanya, kementerian bersama-sama Kementerian Kewangan menyumbang RM300,000 kepada ekspedisi itu.

Malaysia sekali lagi mencatatkan sejarah apabila 16 peserta ekspedisi itu berjaya membuat penerjunan di Kutub Utara Selasa lepas.

Mereka juga berjaya memacakkan bendera Malaysia serta mendaratkan sebuah kereta buatan Malaysia, Proton Wira 1.5.

Kejayaan itu merupakan kejayaan kedua negara selepas ekspedisi menawan puncak Everest setinggi 8,848 meter pada 23 Mei tahun lepas.

-- BERNAMA

DC AKD